

Kebakaran hutan di Iskandar Puteri sudah merebak ke 98 hektar

Bernama |  Ogos 25, 2019 22:01 MYT



Anggota Bomba dan Penyelamat memadamkan kebakaran melibatkan kawasan seluas 2.4 hektar hutan berbukit berhampiran Taman Tema Legoland dan sebuah hotel di Medini Iskandar Puteri hari ini. - Foto BERNAMA

JOHOR BAHRU: Tiupan angin yang kuat sejak beberapa hari ini menyebabkan kebakaran hutan di Kampung Pekajang di Iskandar Puteri, dekat sini, merebak ke tempat baharu iaitu melibatkan seluas 98 hektar setakat hari ini berbanding hanya 16 hektar keluasan kebakaran asal pada Jumaat (23 Ogos).

Bagaimanapun, Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor, Datuk Yahaya Madis berkata pihaknya bertungkus-lumus 24 jam untuk menanganinya dan berhasil memadamkan sebanyak 45 peratus atau 44 hektar kawasan kebakaran.

Operasi pepadaman dilakukan oleh seramai 79 anggota termasuk pegawai kanan dari 10 buah balai di kawasan Zon 1 Johor dan sebuah balai dari kawasan Zon 2 Johor.

Selain itu, sebanyak lima 'water tanker' berkapasiti 20,000 liter digunakan untuk mengangkut air yang diambil dari pili bomba berdekatan untuk memadamkan kebakaran tersebut.

Ketika dihubungi Bernama di sini hari ini, beliau berkata sumber air itu terpaksa diambil dari pili bomba berdekatan kerana bekalan air sungai atau parit sedia ada yang terdapat di kawasan itu tidak dapat menampung kegunaan untuk operasi pepadaman tersebut.

"Hari ini hujan gerimis sahaja dan ia tidak begitu memberi kesan kepada operasi pepadaman. Berdasarkan keadaan semasa, dijangka pepadaman akan mengambil masa selama empat hari.

"Namun sekiranya teknik total 'flooding' (membanjirkan keseluruhan kawasan kebakaran) dapat disiapkan dengan segera, maka terdapat kemungkinan kebakaran dapat dipadamkan dalam masa yang terdekat," katanya.